

## Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan: Satu Pembaharuan di Universiti Sains Malaysia

Sharom Ahmat  
Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
Mohd. Akhir bin Abdullah  
Canselor  
Universiti Sains Malaysia

---

Besides teaching and research, the service function of a University is becoming more and more important. This is primarily because the task of higher education is no longer the grooming of an elitist group. Indeed universities are being constantly challenged to meet the total development needs of the people. In this context, Malaysian university students have always been conscious of their service role. Unfortunately, well meaning as they may be, most of the service-oriented projects organized by the students suffer from the fact that they tend to be ad hoc efforts, often without thorough planning, and certainly lacking in continuity, review and assessment. Furthermore, most of these projects also do not make the best use of what students have to offer — their intelligence.

It is against this background that the Student Affairs Section at Universiti Sains Malaysia started the Study-Service Scheme. This is a social-action activity which links study with service and normally organized within the framework of the educational system, as is intended to involve undergraduates in practical activities. The distinguishing features of this scheme are as follows:

- (a) It is aimed to help meet basic needs of other people in a desired manner.
- (b) Since study-service is organized within the context of formal education, it has the education of the participants as a major objective.
- (c) As a result of the above, this scheme encourages and assists the University to relook at its educational system with a view to adapting it more to the needs of society.

Through this scheme it is hoped that the following benefits at least in the long run will accrue:

- (a) The students will obtain a very important part of their education by direct practical involvement in work which is of value to the welfare of the people and the nation, as well as of value to the development of their own personality.
- (b) By contributing manpower and constructive ideas, the students become more mature through the practical experience of having to solve problems through their own observations and conclusions.
- (c) Study-service helps to bring balance to the student's perspective by getting to know through first-hand knowledge of the issues and problems facing the vast majority of the population. By their involvement in local problems and plights, this may induce them on graduation to serve these areas.
- (d) Student volunteers by directly helping in a wide range of development activities act as important village-level extension workers, and as catalysts for change.
- (e) The academic benefits are exciting for over time study-service may help orientate curriculum to the development needs of the community.
- (f) Study-service can also contribute towards the formulation of local community development policy. More importantly, in a plural society like Malaysia, study-service can help in bringing about greater ethnic integration.

### Latar Belakang

Sungguhpun penyemaian ilmu pengetahuan melalui usaha-usaha pengajaran dan pendidikan merupakan peranan utama sesebuah universiti, perkhidmatan kepada masyarakat kian bertambah

menjadi satu aspek penting dari fungsinya. Ini adalah kerana tujuan pelajaran tinggi dewasa ini bukan lagi untuk melahirkan satu golongan “elite”; universiti-universiti semasa kini terutama sekali dalam konteks negara-negara yang belum atau sedang membangun sentiasa dicabar untuk memenuhi segala kehendak pembangunan negara. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberi oleh sesebuah universiti terdiri daripada beberapa bentuk. Di Universiti Sains Malaysia, sebahagian besar perkhidmatan yang diberi adalah terjalin dengan usahanya dalam bidang pengajaran dan penyelidikan. Hasil daripada perancangan dan berdasarkan kemampuannya dalam bidang-bidang tertentu, Universiti ini telah menawarkan kursus latihan dalam bidang Pembangunan dan Pentadbiran Kemasyarakatan, Siaran Pendidikan, Teknologi Pendidikan dan Seni Kreatif. Di samping itu, beberapa kursus jangka pendek dan bengkel dalam bidang Pendidikan, Seni Lukut dan Pendidikan Fizik telah juga dijalankan. Usahanya dalam bidang penyelidikan telah juga menitikberatkan aspek perkhidmatan di mana keutamaan diberi kepada penyelesaian masalah-masalah yang relevan untuk negara, misalnya penyelidikan dalam bidang Kuasa Matahari, Minyak Kelapa Sawit, Pembibitan Ikan, Penyalahgunaan Dadah dan isu-isu sosio-ekonomi. Penubuhan Pusat Penyelidikan Dasar adalah juga berasaskan atas konsep yang sama. Selain daripada usaha-usaha tersebut ini, pensyarah-pensyarah universiti juga memberi khidmat secara individu dengan menyumbangkan bakat dan kemahiran mereka masing-masing dalam bidang-bidang tertentu.

Pelajar-Pelajar universiti di Malaysia juga sedar akan tanggungjawab mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat. Penglibatan mereka di dalam rancangan perkhidmatan masyarakat secara sukarela telah dimulakan sejak tahun 1960 apabila Kesatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam mengambil pelajar-pelajar secara sukarela untuk menjalankan projek-projek pembangunan masyarakat jangka pendek di beberapa buah kampung di seluruh Malaya. Dalam tahun 1969, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah melancarkan satu rancangan yang dinamakan “Student Pioneer Corps” semasa cuti panjang universiti. Pada tahun yang berikutnya, Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia melancarkan rancangan yang sama di peringkat kebangsaan untuk membolehkan pelajar-pelajar sukarela dari pusat-pusat pengajian tinggi memperolehi pengalaman dan pengetahuan secara langsung mengenai kehidupan di desa di samping berkhidmat kepada penduduk-penduduk tersebut.

Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia juga telah melibatkan diri secara cergas dalam kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat. Dalam tahun 1971, pelajar-pelajar dari Universiti Sains Malaysia terus menyertai rancangan “Student Service Corps” yang dianjurkan oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia. Di samping itu, satu badan pelajar yang dinamakan Pergerakan Perkhidmatan Masyarakat telah ditubuhkan sebagai badan gabungan Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia. Menurut perlembagaan badan tersebut ini, semua pelajar yang berdaftar di Universiti Sains Malaysia secara otomatis dijadikan ahli Pergerakan ini. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Pergerakan ini termasuk kelas bimbingan untuk murid-murid sekolah yang miskin, khemah-khemah kerja, kajian-kajian mengenai beberapa masalah sosial dan sebagainya. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ke arah melancarkan satu rancangan perkhidmatan masyarakat secara sukarela yang lebih teratur dan luas tidak berhasil.

Rusuhan-rusuhan pelajar pada penghujung tahun 1974 dan penguatkuasaan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang berekoran telah pula menghentikan sementara waktu kegiatan-kegiatan seumpama ini. Walau bagaimanapun, sejak Sidang Akademik 1976/1977, adalah diperhatikan bahawa projek-projek perkhidmatan masyarakat dijalankan semula. Kebanyakan kegiatan ini telah dijalankan oleh Majlis Perwakilan Pelajar, Pergerakan Perkhidmatan Masyarakat (yang sekarang telah menjadi satu pertubuhan yang berasingan) dan kumpulan-kumpulan pelajar tertentu dari beberapa buah negeri.

Sungguhpun projek-projek yang dijalankan oleh pihak pelajar-pelajar pada masa lampau bertujuan baik, hasil yang dapat diperolehi daripadanya tidak begitu berkesan oleh kerana diuruskan secara “ad hoc” dan biasanya tanpa perancangan yang rapi dan tanpa penilaian apabila tamatnya sesuatu projek. Akibatnya, manfaat kepada pihak pelajar dan pihak masyarakat yang dituju dan kesannya terhadap proses pendidikan seseorang pelajar yang menyertai sesuatu projek tidak dapat ditafsirkan. Memang benar bahawa perkhidmatan masyarakat yang bercorak khemah kerja di mana pelajar-pelajar membina jalan-jalan kecil, membaiki padang-padang permainan atau mem-

bersihkan parit merupakan sumbangan tenaga kepada pembangunan desa dan mendekatkan pelajar-pelajar kepada penduduk-penduduk desa tetapi kegiatan-kegiatan seumpama ini tidak menggunakan potensi pelajar yang bernilai sekali, iaitu kecerdikan mereka!

Satu lagi aspek yang perlu kita titikberatkan ialah imej pelajar-pelajar universiti. Di kalangan orang ramai pada satu ketika mereka dilihat sebagai satu golongan yang kurang bertanggungjawab dan yang tidak mengenang jasa kepada rakyat yang menanggung pelajaran mereka; perasaan ini sampai ke kemuncaknya pada 1974/1975. Imej yang tidak diingini ini boleh dihapuskan tetapi proses penghapusannya mengambil masa dan adalah dirasai bahawa 'Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan boleh membantu proses ini sambil membawa banyak faedah lain kepada semua pihak yang terlibat dalamnya.

### **Apakah Yang Dimaksudkan oleh Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan?**

Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan ialah kegiatan kemasyarakatan yang mencantumkan unsur-unsur pelajaran dengan perkhidmatan. Rancangan ini biasanya diuruskan dalam rangka bentuk sistem pendidikan dan bertujuan untuk melibatkan para siswa-siswi dalam kegiatan amali. Ciri-ciri rancangan ini adalah seperti berikut:—

- (a) Tujuan utama ialah untuk membantu memenuhi keperluan-keperluan asasi masyarakat dalam bidang-bidang seperti perkhidmatan pertanian, kesihatan dari segi penjagaan dan pendidikan, pendidikan orang-orang dewasa dan kerja-kerja kebajikan am. Rancangan ini berbeza daripada kegiatan-kegiatan amali lain yang dikenali sebagai "work-study" iaitu kegiatan-kegiatan yang diuruskan untuk memberi pengalaman praktikal dalam keadaan pekerjaan sebagai sebahagian dari kurikulum pendidikan. Contoh-contoh kegiatan "work-study" ialah Rancangan Latihan Pelajar Universiti Sains Malaysia, rancangan-rancangan amali yang diwajibkan di Pusat-Pusat Pengajian Sains Farmasi, Sains Gunaan dan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan;
- (b) Oleh kerana Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan dirancangkan dalam konteks pendidikan formal, keperluan pendidikan mereka yang mengambil bahagian adalah mustahak sekali. Menerusi proses memberi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, pelajar-pelajar yang terlibat mendapat pengertian yang lebih jelas tentang faktor-faktor dan tekanan-tekanan yang wujud dalam sesuatu keadaan dan dengan ini dapat memainkan peranan dalam proses mengubah keadaan yang ada di masyarakat;
- (c) Akibat daripada ciri-ciri yang disebutkan di atas, rancangan ini akan menggalakkan dan membantu institusi berkenaan mengkaji semula sistem pendidikannya demi untuk mengubahsuaikannya dengan keperluan-keperluan masyarakat.

Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan boleh dibahagikan kepada empat jenis:

(a) **"Intervening Schemes"**

Ini melibatkan tempoh perkhidmatan yang agak panjang secara penuh masa dan ianya diadakan di antara tempoh yang ditentukan untuk pengajian akademik. Salah satu contohnya ialah Sekim Kuliah Kerja Nyata Indonesia di mana mahasiswa-mahasiswi universiti dikehendaki berkhidmat selama tiga atau enam bulan di desa sebagai sebahagian pendidikan mereka.

(b) **"Interwoven Scheme"**

Ini merupakan satu sekim sambilan yang diintegrasikan dengan sebahagian kurikulum akademik yang lebih tradisional. Satu kumpulan guru-guru pelatih

di Amerika Syarikat yang dikenali sebagai “Teacher Corps” menjalankan satu sekim di mana para pesertanya terlibat dalam pengajaran di “ghetto” dan tempat-tempat di luar bandar yang masih mundur sebagai sebahagian latihan mengajar mereka. Dengan membuat demikian aspek perkhidmatan adalah terjalin dengan latihan dari segi teori. Di Turki dan di Indonesia terdapat beberapa buah universiti yang sedang menggubalkan kurikulum “community medicine” yang berdasarkan “interwoven scheme”. Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai suatu sekim yang hampir sama dengan sekim tersebut di atas ini walaupun Universiti Kebangsaan Malaysia tidak memanggilnya Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan.

**(c) “Subsequent Scheme”**

Sekim ini menggunakan tenaga siswazah dan biasanya bercorak penuhmasa dan berjangka panjang. Satu contoh sekim ini ialah Sekim “Volunteer Graduate Certificate” yang diuruskan di Negeri Thai di mana siswazah-siswazah berkhidmat secara sukarela, kebanyakannya mereka sebagai guru-guru di luar bandar tiap-tiap tahun. Di bawah sekim ini, peserta-peserta pada permulaannya diberi latihan selama dua bulan dan selepas ini bertugas selama tujuh bulan di luar bandar. Selepas itu, mereka kembali ke universiti mereka masing-masing untuk membincangkan pengalaman mereka dan menyediakan “tesis” selama sebulan.

**(d) “Parallel Scheme”**

Ini merupakan kegiatan perkhidmatan yang dijalankan secara sambilan dalam masa lapang pelajar yang terlibat ataupun dalam waktu kuliah tetapi tidak diintegrasikan atau dijalinkan dengan pengajian akademik mereka. Rancangan Perkhidmatan Nasional di India (“National Service Scheme of India”) merupakan salah satu contoh sekim jenis ini di mana pelajar-pelajar di peringkat pelajaran tinggi boleh menyertai kegiatan-kegiatan perkhidmatan masyarakat di bawah penyeliaan institusi masing-masing sebagai alternatif kepada penyertaan dalam latihan kadet tentera atau kegiatan sukan.

### Kepentingan Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan

Dewasa ini, kegiatan perkhidmatan masyarakat masih merupakan suatu kegiatan luar pengajian bagi golongan kecil pelajar-pelajar di Universiti yang berkesedaran sosial. Kebanyakan siswa-siswi menganggap pelajaran sebagai sesuatu entiti berasingan yang diutamakan supaya mereka dapat ijazah; kaitan rancangan akademik ini dengan masyarakat adalah tipis sekali. Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan merupakan satu konsep yang memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar untuk mengalami salah satu aspek pendidikan mereka yang penting menerusi penglibatan amali secara langsung dalam kerja yang bermanfaat bukan sahaja kepada kebajikan masyarakat dan negara tetapi kepada perkembangan keperibadian mereka yang terlibat.

Siswa-siswi mempelajari bukan sahaja dengan menghadiri kuliah tetapi juga dari pengalaman di kalangan masyarakat dengan menyumbangkan tenaga manusia dan buah fikiran mereka yang membina. Dan sumbangan pelajar-pelajar akan membawa faedah yang dapat diperolehi oleh mereka. Pengalaman memberi perkhidmatan kepada orang lain itu tidak mengganggu pengajian seseorang pelajar tetapi membawa bersama-sama banyak faedah. Penyertaan Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan akan dapat membantu proses mengembangkan kematangan pihak pelajar kerana mereka akan menghadapi satu situasi di mana mereka dikehendaki menyelesaikan masalah-masalah tertentu dengan membuat kesimpulan-kesimpulan daripada apa yang diperhatikan. Adalah diharapkan semoga Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan akan membolehkan pelajar-pelajar memahami bahawasanya kaedah “cross-sectoral” terhadap pembangunan negara adalah apa yang diperlukan oleh kerana dalam kehidupan sebenarnya “compartmentalization of learning” tidak

boleh dilakukan. Umpamanya, kelas-kelas bimbingan bagi murid-murid di sebuah kampung atau kawasan mundur di bandar tidak berkesan langsung jika murid-murid itu menghadiri kelas bimbingan tersebut dengan perut yang kosong. Ini adalah kerana isu-isu berkaitan dengan pendidikan dan pemakanan adalah bergabung dan bergantung kepada dasar-dasar sosio-ekonomi. Dengan cara ini, pelajar-pelajar diberi latihan untuk menjadi pemikir yang kritis untuk penyelesaian masalah sementara pihak universiti dapat mencapai matlamat utamanya untuk menambahkan bilangan tenaga manusia yang bukan sahaja terlatih dari segi akademik tetapi juga memperolehi pengalaman amali untuk memenuhi keperluan-keperluan pembangunan negara.

Kebanyakan siswa-siswi yang berasal dan tinggal di bandar-bandar tidak pernah mengalami kedudukan kehidupan sebenarnya di desa-desa. Sebaliknya, mereka dipengaruhi oleh norma-norma Barat. Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan dapat membantu membentulkan "perspective" seseorang pelajar yang terlibat dengan memberi kesempatan untuk mendapat pengetahuan secara langsung tentang isu-isu dan masalah-masalah yang dialami oleh kebanyakan penduduk-penduduk negara kita.

Adalah diperhatikan juga bahawa pelajar-pelajar yang telah menerima pendidikan mereka di pusat-pusat pengajian bandar, sungguhpun mereka berasal dari luar bandar, biasanya menganggap diri sebagai "official elites" di bandar-bandar besar apabila mereka mendapat ijazah. Akibatnya, mereka segan bertugas di kawasan luar bandar. Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menceburkan diri dalam kerja-kerja luar di desa sebagai sukarelawan dan bukan selaku pegawai-pegawai kerajaan, dan berdampingan dengan rakyat. Penglibatan dalam masalah-masalah orang desa mungkin dapat menggalakkan bakal siswazah untuk berkhidmat di tempat-tempat ini apabila tamatnya pengajian mereka.

Kesan-kesan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang mungkin dapat dicapai oleh Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan adalah mustahak juga. Pelajar-pelajar sukarela dengan membantu dalam berbagai-bagai jenis kegiatan pembangunan desa merupakan "extension workers" di peringkat desa, ataupun sebagai penggerak perubahan. Mereka juga dapat membantu menyempitkan jurang yang ada di antara "extension services" yang sedang dijalankan oleh kerajaan dan orang-orang kampung dengan menggalakkan mereka untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan ini. Lama-kelamaan, Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan boleh menolong menukar sikap penduduk-penduduk desa, menggalakkan penyertaan golongan belia tempatan dalam usaha perancangan dan perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan dengan itu membantu mengurangkan penghijrahan penduduk-penduduk dari desa ke kota.

Faedah yang dapat diperolehi oleh universiti dengan adanya Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan menggalakkan juga. Dari segi jangka panjang, rancangan ini mungkin dapat memainkan peranan penting menggubal sukatan pelajaran supaya menjadi lebih "relevant" kepada kehendak-kehendak pembangunan masyarakat menerusi "feed-back" yang berguna. Dengan itu, pengajian di peringkat universiti dapat diintegrasikan dengan harapan dan aspirasi rakyat negara. Umpamanya, ada kemungkinan bahawa setengah kursus universiti yang ada kaitan dengan masalah masyarakat dapat disusun semula. Sukatan kursus-kursus seperti ini boleh dirancang dengan tujuan untuk menentukan kesulitan-kesulitan sosial yang memerlukan penyelesaian dari segi khas dan juga untuk melahirkan kemahiran untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut supaya darinya batasan pengetahuan manusia dapat diperluaskan lagi. Langkah kedua yang penting ialah untuk mencapai koordinasi di antara kaedah-kaedah dari beberapa disiplin pengajian yang berlainan memandangkan bahawa masalah-masalah tertentu memerlukan sumbangan daripada lebih dari satu disiplin akademik.

Kedua-dua langkah ini mungkin akan mengujudkan satu perubahan asas kepada corak "study assignments" di mana pendidikan di bilik kuliah yang ditambahkan dengan latihan amali di bilik makmal akan disertakan dengan kerja di lapangan. Para pensyarah juga akan lebih menyedari apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita dan selepas itu menumpukan usaha-usaha mereka dalam bidang penyelidikan terhadap penghuraian masalah-masalah tersebut serta membantu pihak kerajaan dalam merangka dasar-dasar kebangsaan.

Lama kelamaan, Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan boleh membantu kerajaan merangka dasar pembangunan masyarakat tempatan dengan adanya maklumat-maklumat samada "quantitative" atau "qualitative". Tambahan pula, di negara kita yang berbilang kaum dan yang masih dalam proses berusaha mencapai perpaduan negara di antara semua warganegaranya, Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan mungkin dapat memainkan peranan dalam proses ini. Ini adalah kerana Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan akan memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar yang berasal dari berbagai kaum dan latar belakang untuk memberi khidmat di kawasan-kawasan selain daripada tempat asal mereka. Pengalaman ini akan mengujudkan persefahaman, perasaan tolak ansur dan perhubungan yang lebih rapat antara rakyat yang berasal dari berbilang kaum, kebudayaan dan agama. Ini pula akan mencepatkan dan menggalakkan proses pencapaian hasrat negara kita, iaitu perpaduan negara.

#### **Projek Perintis Rancangan Pembelajaran-Perkhidmatan (Bersama Desa) Universiti Sains Malaysia**

Ke arah mencapai matlamat ini Bahagian Hal-Ehwal Pelajar Universiti Sains Malaysia telah melancarkan Rancangan Bersama Desa yang innovatif ini demi kepentingan pihak siswa-siswi, Universiti dan masyarakat tempatan bersama. Projek Perintis ini telah dijalankan mulai pada cuti panjang Sidang Akademik 1977/1978, bertempat di Negeri Perlis. Beberapa buah kampung yang agak mundur dan terkebelakang dari segi pembangunan dan infrastruktur telah dipilih sebagai "kampung angkat". Pemilihan ini berdasarkan kepada rundingan secara bersama dengan pihak Kerajaan Negeri dan hasil tinjauan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di Universiti. Pemilihan kampung dalam kategori ini adalah bertujuan supaya peserta-peserta Projek Perintis Rancangan Bersama Desa akan menghadapi cabaran dan bidang-bidang kegiatan dalam kampung-kampung tersebut pula jelas dapat dilihat oleh peserta-peserta sebagai suatu yang berfaedah terhadap pembangunan Daerah atau negara yang memerlukan penyelesaian yang seberapa segera.

Projek Perintis Rancangan Bersama Desa Universiti Sains Malaysia telah dirancangkan untuk dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama mengambil masa selama lapan minggu (tidak termasuk Orientasi Rancangan Bersama Desa, Tinjauan Desa dan Latihan Praktikal) yang bermula mulai pada pertengahan bulan April, 1978 hingga pertengahan bulan Jun, 1978 sementara peringkat kedua pula berlangsung selama empat minggu semasa cuti antara penggal yang bermula pada penghujung bulan Oktober 1978.

Pelajar-pelajar yang terlibat dalam projek ini dibayar sedikit subsidi kewangan oleh pihak Universiti Sains Malaysia dan dikehendaki tinggal bersama-sama dengan penduduk-penduduk kampung yang dipilih. "Keluarga-keluarga angkat" di mana pelajar-pelajar akan ditempatkan akan juga diberi bantuan kewangan supaya rancangan ini tidak menjadi suatu beban kewangan kepada mereka.

#### **Pemilihan Peserta-Peserta Projek Perintis Rancangan Bersama Desa**

Memandangkan bahawa pengalaman dari Projek Perintis ini amat penting sekali untuk menentukan bentuk rancangan-rancangan yang berikutnya, pemilihan peserta-peserta untuk Projek Perintis ini tidak kurang pentingnya. Penyertaan dalam projek ini adalah terbuka kepada semua pelajar dari semua Pusat Pengajian di Universiti Sains Malaysia. Oleh yang demikian, untuk mencapai maksud di atas, pemilihan dibuat secara temuduga berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti yang berikut:

- (a) Minat pelajar khususnya terhadap objektif-objektif Rancangan Bersama Desa;
- (b) Kegiatan-kegiatan pemohon di luar bidang pengajian;

- (c) Pencapaian akademik pada tahun yang lalu atau tahun-tahun sebelumnya; dan
- (d) Disiplin.

Seramai tiga belas pelajar terlibat dalam Projek Perintis dan peserta-peserta yang dipilih ditempatkan di beberapa buah kampung yang tertentu secara berasingan atau berkumpulan kecil (2 – 3 orang). Mereka digalakkan bertukar-tukar pendapat di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa peserta-peserta mempunyai latar belakang yang berlainan dan lokaliti di mana mereka akan ditempatkan adalah berbeza dari kampung mereka, maka sebelum peserta-peserta ditempatkan di kampung-kampung yang berkenaan, mereka dikehendaki tinggal lebih kurang selama satu minggu untuk membuat Tinjauan Desa.

### **Tinjauan Desa**

Tujuan Tinjauan Desa ini ialah untuk mendedahkan peserta-peserta kepada masalah-masalah yang ujud di kampung-kampung di mana mereka akan ditempatkan. Dengan adanya Tinjauan ini, peserta-peserta sekurang-kurangnya akan mendapat gambaran yang jelas mengenai masalah-masalah dari berbagai-bagi aspek baik dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Berdasarkan kepada Tinjauan ini, peserta-peserta Projek Perintis Rancangan Bersama Desa dikehendaki menyediakan Rencana Kerja yang meliputi berbagai aspek misalnya dari Bidang-Bidang Pertanian, Ternakan, Pergerakan Belia, Kesihatan dan lain-lain. Dari segi pelaksanaan Rancangan ini, Tinjauan Desa amat berguna sebagai persiapan kepada setiap peserta untuk menghadapi Rancangan yang sebenarnya. Sebarang kemasukan yang dihadapi oleh peserta-peserta bersabit dengan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil bolehlah dibincangkan semasa latihan praktikal diadakan di peringkat Daerah selepas Tinjauan Desa tamat.

### **Latihan-Latihan**

Latihan-latihan kepada peserta-peserta Rancangan ini diadakan dalam dua peringkat:

#### **(a) Latihan Orientasi Rancangan Bersama Desa di Kampus**

Pada peringkat Latihan Orientasi ini, peserta-peserta dilengkapskan dengan latihan-latihan yang ada kaitan dengan Rancangan ini serta maklumat-maklumat tambahan yang perlu diketahui oleh setiap peserta sebelum mereka ditempatkan ke dalam desa-desa. Tajuk-tajuk yang difikirkan perlu dalam Latihan Orientasi adalah seperti berikut:—

- (i) Penerangan mengenai Rancangan Bersama Desa dari aspek objektif, tujuan dan pendekatan.
- (ii) Rancangan Malaysia ke Tiga dengan emphasis kepada Pembangunan Desa.
- (iii) Kaedah-Kaedah Kerja Pengembangan
- (iv) Kebudayaan dan adat-adat Masyarakat Desa Negeri Perlis.
- (v) Ciri-ciri Kepimpinan dan Institusi-Institusi Masyarakat Desa.

Dengan adanya latihan tersebut di atas, peserta-peserta akan dapat memahami bukan sahaja Rancangan-Rancangan yang disediakan untuk masyarakat

desa tetapi juga pendekatan-pendekatan yang harus diambil oleh peserta-peserta dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Ini sangat penting kerana dalam usaha untuk menyerapkan ide-ide baru kepada masyarakat perdesaan, seseorang peserta itu wajar mengetahui kebudayaan dan adat-adat yang dianut oleh masyarakat dan juga institusi-institusi desa yang ada kaitan rapat dengan masyarakat tempatan. Ini adalah untuk mempastikan bahawa tiap-tiap peserta tidak akan melanggari adat-adat dan kebudayaan-kebudayaan tempatan. Haraya dengan berbuat demikian, masyarakat tersebut akan menerima mereka dengan tiada mempunyai sebarang keraguan.

**(b) Latihan Praktikal di Peringkat Daerah**

Selepas lebih kurang seminggu peserta-peserta membuat Tinjauan Desa di kampung-kampung di mana mereka akan ditempatkan, mereka diberi latihan praktikal di peringkat Daerah di Kangar. Latihan ini mengambil masa selama seminggu manakala penceramah-penceramah adalah terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan dari jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan pembangunan desa seperti Jabatan Pertanian, Haiwan, Kesihatan, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kemajuan Masyarakat dan Agama serta kakitangan Universiti. Tujuan latihan ini diberi di peringkat daerah serta penceramah-penceramahnya puia terdiri dari pegawai-pegawai tempatan ialah kerana mereka lebih mengetahui dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh kampung-kampung yang dipilih. Dengan adanya latihan ini, peserta-peserta juga dapat berkenal-kenalan dengan pegawai-pegawai "extension" dari jabatan-jabatan yang berkenaan yang boleh pula memberi bimbingan dan panduan kepada peserta-peserta semasa mereka menjalankan kegiatan-kegiatan mereka di lapangan. Pihak peserta-peserta Projek Perintis Rancangan Bersama Desa juga dapat membincangkan Rencana-Rencana Kerja mereka dari segi fisibiliti dan tindakan-tindakan yang sewajarnya yang patut diambil untuk menjayakan kegiatan-kegiatan tersebut.

Selepas latihan ini peserta-peserta dijangka telah bersedia untuk menghadapi keadaan yang sebenarnya di sepanjang tempoh mereka untuk berbakti kepada masyarakat.

**Bidang Kegiatan Peserta Projek Perintis di Perdesaan Negeri Perlis**

Perlu dimaklumkan di sini bahawa bidang peserta di perdesaan seperti yang tercatit di atas adalah mengikut tinjauan di desa-desa yang berkenaan. Walau bagaimanapun, peserta-peserta yang mengikut serta di dalam Rancangan dikehendaki membuat pemerhatian selama satu minggu sebelum mereka ditempatkan di desa-desa yang berkenaan untuk meninjau sendiri keperluan-keperluan yang diperlukan oleh penduduk-penduduk kampung yang berkenaan. Dari hasil pemerhatian ini, peserta dikehendaki menyediakan satu rencana kerja mengenai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankannya. Dalam hal ini, setiap peserta adalah bebas untuk bergiat menurut daya imajinasi dan kreativiti mereka sendiri. Walau bagaimanapun, sebagai panduan yang amat berguna, bidang yang harus dilaksanakan oleh peserta-peserta Rancangan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Membantu ketua kampung di dalam semua bidang yang difikirkan penting di kampung di mana pelajar tersebut ditempatkan.
- (b) Membantu pegawai-pegawai perkembangan ("extension agents") mengenai semua perkhidmatan perkembangan ("extension services") yang bergiat secara aktif di dalam pembangunan desa di daerah tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh peserta di kampung adalah seperti berikut:

- (a) Menolong memperkenalkan jenis-jenis tanaman baru yang sesuai dengan keadaan dan iklim serta meninggikan dan memperluaskan tingkat pengeluaran tanaman-tanaman yang sedia ada secara mencuba, mengadakan kebun-kebun percontohan, galakkan serta memberi dorongan dan kesemuanya ini wajar diusahakan dengan bekerjasama rapat dengan Ketua Kampung, pegawai-pegawai pertanian yang berhampiran.
- (b) Menolong untuk memperkenalkan berbagai-bagai ternakan dengan bekerjasama rapat dengan Ketua Kampung dan pegawai Perkembangan Jabatan Haiwan.
- (c) Menjalankan penyuluhan-penyuluhan mengenai pendidikan kesihatan dan secara praktik membantu mengenai bekalan air dan kebersihan secara bekerjasama dengan Ketua Kampung, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.
- (d) Membantu melaksanakan ide-ide yang terkandung di dalam Program Amalan Makanan dan Permakanan (AMP) secara bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Negeri selaku Penyelaras Program tersebut dengan bekerjasama dengan Ketua Kampung dan semua Jabatan yang terlibat dengan AMP.
- (e) Menolong untuk menggalakkan Perancangan Keluarga dengan kerjasama Ketua Kampung, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.
- (f) Menolong mencari kerja-kerja sampingan seperti kerja-kerja tangan (“cottage industry”) perniagaan untuk masyarakat desa di dalam bidang yang difikirkan bersesuaian dengan bekerjasama rapat dengan Ketua Kampung dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan.
- (g) Membantu untuk menubuhkan Koperasi desa di dalam memberi kredit secara bekerjasama dengan Ketua Kampung dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan.
- (h) Membantu di dalam memperbaiki pemasaran keluaran desa secara bekerjasama rapat dengan Ketua Kampung dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.
- (i) Membantu di dalam mengorganisasi, melatih dan memberi galakan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Belia di dalam kegiatan-kegiatan yang memberi faedah kepada mereka dan masyarakat seluruhnya.
- (j) Membantu di dalam mengadakan kelas-kelas Dewasa, latihan-latihan praktikal mengenai bidang yang memberi munafaat kepada masyarakat kampung dengan bekerjasama dengan Ketua Kampung dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan.
- (k) Membantu Ketua Kampung di dalam semua aspek kerja yang tiada berkaitan kepada mana-mana parti Politik.

Di dalam hal ini, patut diberi perhatian bahawa bidang-bidang kegiatan seharusnya berdasarkan informasi-informasi dan data-data mengenai keperluan-keperluan berdasarkan Tinjauan Desa, dan sebaik-baiknya, rencana kerja yang dijalankan oleh peserta-peserta dibincangkan dan dikaji secara fisibiliti demi untuk kejayaan projek-projek tersebut.

#### **Bimbingan-Bimbingan Kepada Peserta-Peserta Rancangan Bersama Desa di Lapangan**

Di samping bimbingan secara informal, dengan pegawai-pegawai “extension” dari jabatan-jabatan yang berkenaan dengan pembangunan Desa, kakitangan-kakitangan dari Universiti juga membuat lawatan-lawatan ke kampung-kampung untuk memberi nasihat-nasihat dan bimbingan

kepada peserta-peserta semasa peserta-peserta berada di kampung. Walau bagaimanapun, peserta-peserta diminta berhubung dengan pihak Universiti sekiranya timbul sesuatu persoalan-persoalan yang serius lagi rumit.

Bersangkutan dengan perkara ini, tiap-tiap peserta dikehendaki menyediakan laporan ringkas bulanan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan.
- (b) Penglibatan masyarakat dalam Rancangan tersebut.
- (c) Masalah-masalah yang dihadapi.
- (d) Cadangan-cadangan.
- (e) Penilaian peserta terhadap Rancangan-Rancangan yang telah dilaksanakan.

Laporan ini berguna untuk pihak Universiti dalam usaha untuk memperbaiki lagi kelemahan-kelemahan serta mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit. Ianya juga akan menjadi panduan bagi perancangan Rancangan Pembangunan Desa yang berikutnya.